

BOX NO. _____



UUM
Universiti Utara Malaysia

COLGIS/ZO/BC/1

UNIVERSITY ARCHIVES

College of Law, Government and International Studies

Zaheruddin Othman. (2003). ASEAN dan neo-imperialisme: proses dan perkembangan. In Zulhaimi Paidi & Asrar Omar (Eds.), *Hubungan luar antarabangsa*. (pp. 114-132). Bentong: PTS Publications.

ARCHIVE UNIT

Perpustakaan Sultanah Bahiyah
Universiti Utara Malaysia

© July 12, 2011

SIRI PENDIDIKAN

Hubungan Luar Antarabangsa

Sebuah buku yang menjelaskan secara terperinci hubungan Malaysia dengan negara-negara luar, negara-negara tetangga dan juga termasuk kuasa-kuasa barat yang pernah menjajah negara ini sejak beratus-tahun yang lampau. Turut dimuatkan juga di dalam buku ini adalah pengalaman Malaysia menghadapi pelbagai tekanan daripada kuasa tersebut sehingga mencapai kedudukannya pada hari ini.

EDITOR

Zulhilmi Paldi & Asrar Omar



PTS PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD

2003

PTS PUBLICATIONS & DISTRIBUTOR SDN. BHD.

Kampus PTS,
6147 Cemperoh, Janda Baik,
28750 Bentong,
Pahang Darul Makmur.
Tel: 09-233 0485 Fax: 09-233 0486
e-mail: sales@pts.com.my

© Zulhilmi Paidi & Asrar Omar
Terbitan Pertama 2003

Hakcipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hakcipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Zulhilmi Paidi

Hubungan luar antarabangsa / Zulhilmi Paidi & Asrar Omar
(Siri Pendidikan)

ISBN 983-192-336-7

1. Malaysia-Foreign relations. 2. Internatiaoal relations.

I. Asrar Omar. I. Judul II. Siri

327.595

Ketua Editor : Ainon Mohd. (*ainonm@pts.com.my*)

Editor Perolehan : Fauzul Na'im (*fauzuln@pts.com.my*)

Editor : Nurulhilyati Abdul Halim
Yusliza Abdul Rahman
Hasmariza Md. Hashim

Visualizer : Hisham Salmin (*hishamsalmin@pts.com.my*)

Pereka Grafik : Izwan Ariff Ibrahim

Taipsetter : Zuzana Ahamad

Dicetak oleh:

PERCETAKAN CERGAS (M) SDN. BHD.

No. 29, Jalan 2/148A,

Tmn. Sg. Besi Industrial Park,

57100 Kuala Lumpur.

Kandungan

Penyumbang Artikel

Prakata

1	Apa Itu Hubungan Luar?	1
2	Teori Dan Penyelesaian Konflik Antarabangsa	17
3	Undang-Undang Antarabangsa	38
4	Konflik Hubungan Negara Dan Pasaran	56
5	Peranan Kerajaan Merencanakan Kejayaan Industri	87
6	ASEAN Dan Neo-Imperialisme: Proses Dan Perkembangan	114
7	Dasar Luar Malaysia Dalam Konteks Hubungan Malaysia-Jepun	133
8	Konflik Serantau: Konfrontasi Indonesia Malaysia 1963-1966	147
9	Dunia Islam Di Bawah Dampak Penjajahan	164
10	Propaganda Dan Strategi Perang Saraf: Meninjau Pengalaman Darurat 1948-1960 Di Tanah Melayu	194

Bab 6

ASEAN Dan Neo-Imperialisme: Proses Dan Perkembangan

Zaheruddin Othman

Penubuhan *Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)* telah dilakukan di Bangkok, Thailand pada bulan Ogos 1967 bertujuan mewujudkan keamanan dan kestabilan serantau berlandaskan keadilan dan kepatuhan kepada undang-undang serta menerima prinsip *Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)* (Zainal Abidin Wahid et al., 1996). Penubuhan ini berlangsung ketika kebanyakan negara-negara di Asia Tenggara sedang bergelut membangunkan negara masing-masing selepas beberapa tahun mencapai kemerdekaan. Pada dekad ini juga negara-negara Asia Tenggara begitu terdedah kepada pengaruh 'kuasa besar' yang baru iaitu Amerika Syarikat dan Soviet Rusia.

Kemunculan dua kuasa besar ini bukan lagi asing apabila politik dunia berpecah kepada dua iaitu yang bergerak aktif dalam blok komunis (berpusatkan Soviet Rusia) dan satu lagi yang bergerak aktif dalam blok bukan komunis (diketuai oleh Amerika Syarikat) (Shamsul Amri Baharuddin, 1993). Justeru itu, kedudukan ASEAN yang strategik di benua Asia menjadikannya sebagai satu benua yang ingin direbut oleh kedua-dua paksi kuasa besar tersebut.

Kedua-dua kuasa besar tersebut sentiasa menawarkan sesuatu seperti pakej bantuan asing umpamanya. Pakej ini menjelma dalam pelbagai bentuk seperti bantuan kewangan percuma, pinjaman wang dengan faedah yang kecil dengan tempoh bayaran balik yang lama, peralatan dan teknologi, bekalan makanan, kemudahan kesihatan, perubatan dan ubat-ubatan, bantuan tenaga mahir dan kepakaran, pelbagai bentuk bantuan langsung dan subsidi pertanian, pendidikan dan bahan mentah, subsidi bahan pertanian keluaran negara Dunia Ketiga, peralatan ketenteraan dan banyak lagi yang lain (Shamsul Amri Baharuddin, 1993).

Sejarah ASEAN memperlihatkan hampir semua negara anggota pernah dijajah oleh kuasa asing kecuali Thailand. British telah menjajah Singapura, Malaysia dan Hong Kong. Belanda di Indonesia, Portugis di Macau, yang sebelum itu pernah menjajah Tanah Melayu (Malaysia) dan Perancis di Vietnam, Kemboja dan Laos (Magstadt, 1991). Penjajahan ini berakhir selepas hampir kebanyakan negara-negara anggota ASEAN mencapai kemerdekaan pada dekad 1950-an dan 1960-an.

Tercapainya kemerdekaan di kalangan negara-negara ASEAN ini pada suatu sudut menamatkan segala hubungan 'penjajahan' antara negara penjajah dan negara-negara ASEAN. Bagaimanapun kepulangan negara penjajah membawa senario baru kepada suasana politik negara ASEAN. Dua kuasa besar iaitu Amerika Syarikat dan Soviet Rusia mula memainkan peranan mengembangkan sayap pengaruh ke dalam ruang kosong (vakum) yang ditinggalkan oleh kuasa penjajah yang asal. Proses kedua-dua kuasa besar ini dapat difahami sebagai tindakan penjajahan semula yang berlaku dalam bentuk baru (*Neo Imperialisme*).

Perbincangan tertumpu kepada beberapa buah negara persatuan Asia Tenggara yang awal seperti Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand. Skop perbincangan terhad sehingga penghujung tahun 1980-an iaitu sebelum zaman kejatuhan kuasa Soviet Rusia. Perbincangan ini dapat menggambarkan beberapa usaha yang telah dilakukan oleh kedua-dua buah kuasa besar yang cuba mencari pengaruh bagi memperkuatkan lagi kuasa mereka. Perbincangan ini penting walaupun pada ketika ini kuasa Soviet Rusia sudah pun roboh, namun penglibatan kuasa besar itu dalam sejarah politik ASEAN tidak boleh diketepikan sama sekali. Pembentukan sejarah baru sudah banyak berlaku khususnya di beberapa buah negara yang baru mencapai kemerdekaan. Secara ringkasnya kertas ini cuba mencapai dua objektif penulisannya iaitu;

- Membincangkan maksud dan bentuk-bentuk neo imperialisme
- Membincangkan gerakan neo imperialisme yang dilakukan oleh dua kuasa besar (Amerika Syarikat dan Soviet Rusia) ke atas negara-negara ASEAN sebelum kejatuhan kuasa Soviet Rusia pada penghujung tahun 1980an.

Imperialisme: Maksud dan Bentuk

Menurut Giddens (1995) kebanyakan penulis mengambil idea Lenin dan Hobson ketika membangunkan teori neo imperialisme. Mereka lebih banyak memberikan tumpuan kepada situasi dunia pada masa ini berbanding pada

masa Lenin dan Hobson membuat kajian. Pada masa Lenin dan Hobson, kajian dilakukan ke atas perluasan kuasa British dan beberapa kuasa asing yang lain. Antara subjek kajian ialah mengenai penguasaan ekonomi dan politik yang dilakukan oleh kuasa penjajah itu ke atas negara lain. Penjajahan ini berlaku secara terus. Bagaimanapun penjajahan bentuk baru timbul selepas dekad penjajahan berakhir. Kuasa barat masih lagi dapat meletakkan kepentingan mereka berasaskan kepada operasi global syarikat-syarikat mega (*Multi National Cooperation*) di negara-negara yang pernah dijajah oleh mereka. Proses perletakkan semula kepentingan asing ini dikenali sebagai neo imperialisme.

Sementara itu Asirvatham (1990) melihat neo imperialisme sebagai suatu bentuk Imperialisme Moden yang berlaku pada abad ke-21. Menurut beliau, proses ini berlaku secara tidak langsung berbanding pada masa lampau. Proses ini boleh berlaku di dalam pasaran modal dan barangan yang terbuka sifatnya. Misalnya, dalam kegiatan perdagangan, industri, pelabuhan dan perebutan mendapatkan bahan mentah.

Neo imperialisme ini boleh didapati dalam beberapa bentuk dan dilaksanakan di beberapa bahagian dunia (Asirvatham, 1990). Bentuk pertama menerusi *kaedah pajakan (leasehold)*. Bagi tujuan ekonomi mahupun strategik, negara bekas tanah jajahan akan dipujuk supaya menandatangani sebarang perjanjian yang membenarkan negara mereka atau sebahagian daripada negaranya dipajakkan kepada pihak asing. Lazimnya tempoh masa pajakan ini menjangkau 99 tahun. Daripada segi kedaulatan ia masih lagi dimiliki oleh negara asal tetapi penguatkuasaan undang-undang akan dilaksanakan oleh pemajak. Beberapa contoh yang dapat dilihat ialah seperti Pelabuhan Manchuria yang diserahkan kepada Rusia oleh China pada tahun 1898 bagi tempoh selama 25 tahun. Begitu juga Pelabuhan Arthur dan Dairen di China yang diserahkan kepada Jepun dan Wei Hai Wai yang dipajakkan kepada British. Hal yang sama juga pernah berlaku ke atas Terusan Panama yang dipajakkan kepada Amerika Syarikat.

Bentuk kedua dikenali sebagai *pengawalan oleh pihak yang lebih kuat (protectorates and semi-protectorates)*. Maksudnya negara bekas tanah jajahan biarpun sudah mencapai kemerdekaan tetapi masih lagi dikawal oleh negara penjajah untuk beberapa lama. Proses pengawalan ini boleh berlaku secara separuh atau sepenuhnya. Pengawalan berlaku dalam banyak bentuk sama ada hanya berkaitan dengan soal pertahanan atau pengawalan yang turut meliputi soal hubungan antarabangsa, kewangan dan pentadbiran dalaman sesebuah negara. Misalnya, seperti mana yang berlaku ke atas Mesir sedikit

masa lalu. Walaupun Mesir telah mencapai kemerdekaan pada 28 Februari 1922, namun ia terikat kepada deklarasi 1922 yang dipersetujui bersama dengan kerajaan British. Antara perkara tersebut ialah berkenaan dengan keselamatan komunikasi empayar British di Mesir, melindungi Mesir daripada ancaman kuasa asing sama ada secara langsung atau tidak, melindungi kepentingan orang asing di Mesir dan melindungi golongan minoriti. Bagaimanapun pada masa sekarang Mesir sudah pun bebas sepenuhnya sebagai sebuah negara yang merdeka.

Bentuk ketiga ialah *lingkungan pengaruh*. Lingkungan pengaruh bermaksud negara yang mempunyai wilayah tertentu menyerahkan hak eksklusif kepada negara asing bagi tujuan membuat pinjaman, membina infrastruktur, membuka kawasan perlombongan dan membangunkan perkhidmatan awam. Kaedah ini lebih berpengaruh di benua Afrika berbanding benua Asia. Melalui kaedah ini, negara bekas tanah jajahan banyak menyerahkan tugas membangunkan negara kepada pihak yang pernah menjadi penjajah di negara mereka. Situasi ini mungkin muncul akibat hubungan yang terjalin selama penjajahan berlangsung. Pada masa ini lingkungan pengaruh menjadi suatu alat imperialisme baru oleh negara asing ke atas negara bekas tanah jajahan. Misalnya seperti yang pernah berlaku di Thailand oleh kuasa British dan Perancis.

Kawalan Kewangan adalah bentuk keempat yang digunakan semasa proses neo imperialisme berlangsung. Banyak negara yang mengamalkan sistem ekonomi kapitalis sama ada menerusi 'negara' atau wakil seperti bank-bank atau institusi kewangan tertentu mengawal akaun perbelanjaan negara-negara membangun. Negara-negara besar seperti Amerika Syarikat, Britain, Perancis dan Jepun berupaya mengawal sistem kewangan negara-negara yang lebih kecil. Misalnya pengawalan akaun kewangan oleh Amerika Syarikat ke atas negara kepulauan Caribbean dan negara Amerika Tengah.

Sementara itu selain daripada pembahagian di atas, perbincangan bentuk-bentuk neo imperialisme yang digerakkan oleh kuasa besar sering dibuat menerusi dua teori iaitu *Teori Pergantungan* dan *Teori Sistem Dunia* (Giddens, 1995). Melalui Teori Pergantungan, negara-negara kuasa besar memainkan peranan yang dominan dalam hubungannya dengan negara-negara membangun. Ini menyebabkan negara-negara membangun terpaksa banyak bergantung kepada negara kuasa besar sehingga menyebabkan pembangunan yang dirancang tidak mencapai matlamat. Kebanyakan hubungan antara dua buah kumpulan negara ini akan berakhir dengan kegagalan negara membangun menjadi maju seperti mana negara kuasa besar. Antara tokoh yang

bertanggungjawab memperkenalkan teori ini ialah Andre Gunder Frank (Frank, 1969). Bagi Teori Sistem Dunia pula, ia dimajukan oleh Immanuel Wallerstein. Beliau mengutarakan idea ketaksamaan yang berlaku di dalam sistem ekonomi dan politik dunia. Bagi beliau dunia berkembang melalui sistem ekonomi kapitalis yang membahagikan dunia kepada beberapa bahagian.

Bahagian-bahagian tersebut dikenali sebagai negara *Core*, negara *Semi Periphery*, negara *Periphery* dan negara *External Arena*. Antara bahagian-bahagian tersebut, menurut Wallerstein apabila sampai masa tertentu negara *Core* akan mendominasi sistem ekonomi dunia dan mengorganisasikan perdagangan dunia mengikut kehendak mereka. Tambah beliau lagi seperti idea daripada Teori Pergantungan, dunia pertama (negara *Core*) akan mengukuhkan kedudukan masing-masing dalam sistem ekonomi dunia dan akan terus mengeksploitasi negara-negara membangun (Wallerstein, 1974).

ASEAN dan Neo Imperialisme Amerika Syarikat

Perkembangan pengaruh Amerika Syarikat ke rantau ASEAN didasari dengan beberapa perkembangan. Sejak Perang Dunia Kedua, rantau ASEAN diwarnai dengan beberapa peristiwa yang menurut Amerika Syarikat memerlukan perhatian dunia. Perkembangan ini memaksa Amerika Syarikat sebagai sebuah kuasa besar selain Soviet Rusia menumpukan perhatian khususnya ke atas beberapa buah negara ASEAN. Menurut Holdridge (1977), terdapat beberapa perkembangan yang berlaku di rantau ASEAN yang boleh memberikan kesan secara langsung kepada kepentingan Amerika Syarikat. Antara perkembangan tersebut ialah peranan aktif Soviet Rusia di negara Asia Tenggara. Soviet Rusia telah menjalinkan perhubungan dengan kerajaan Filipina selepas beberapa kali misinya tertangguh sejak tahun 1977.

Bagi Soviet hubungan ini penting kerana pada masa tersebut Filipina merupakan negara ASEAN pertama yang menjalinkan kerjasama pertahanan dengan Amerika Syarikat (Nair, 1980). Hubungan Filipina dengan Soviet Rusia berlangsung di peringkat diplomatik dan pegawai-pegawai khusus yang statusnya semakin meningkat dari masa ke semasa. Perhubungan ini diterjemahkan dalam bentuk kerjasama antara kedua-dua negara sama ada di sektor perkapalan, perikanan dan institusi kewangan. Perkembangan sebegini menyebabkan Amerika Syarikat mengambil sikap berwaspada dan sentiasa membuat pemantauan. Tindakan Amerika Syarikat ini dianggap wajar apabila kerajaan Soviet Rusia menggunakan Selat Melaka bagi laluan kapal perangnya supaya pergi ke Lautan Hindi. Begitu juga dengan tindakan Soviet Rusia yang mengadakan latihan perang berdekatan dengan Jepun.

Selain itu Amerika Syarikat juga terpengaruh dengan perkembangan aktiviti kerajaan komunis China (People's Republic of China) di rantau ASEAN. Walaupun daripada segi aktiviti kerajaan komunis China lebih rendah dari Soviet Rusia, namun keupayaan negara ini tidak boleh dipandang rendah. Negara China sentiasa menggunakan peluang yang ada untuk melebarkan pengaruhnya menerusi kegiatan perdagangan dengan negara-negara ASEAN. China juga memberikan sokongan kepada Parti Komunis China supaya melebarkan pengaruhnya di negara-negara ASEAN. Berdasarkan kepada faktor geografi, kerajaan komunis China lebih mempunyai kelebihan berbanding Soviet Rusia. Perkembangan ini menurut Amerika Syarikat boleh mencetuskan potensi besar untuk kuasa China bertapak di negara-negara ASEAN.

Pada April 1975 *Republik Demokratik Vietnam* ditubuhkan sebagai sebuah negara dan ini memberi suatu kuasa kewilayahan yang baru di rantau Asia Tenggara. Walaupun pada awal kewujudannya, Hanoi memberi tumpuan lebih kepada usaha membangunkan negara namun pendiriannya menentang ASEAN memberi kesan yang besar kepada keselamatan serantau. Hanoi muncul dengan keunggulannya di Laos dan dengan sokongan Soviet Rusia, negara ini mampu bersaing dengan pengaruh China di Kemboja. Dari masa ke semasa, Hanoi sentiasa melaung-laungkan usaha mewujudkan '*Kesatuan negara-negara Indo-China*'. Perkembangan ini menurut Amerika Syarikat perlu ditangani dengan sebaik mungkin kerana keupayaan ketenteraan Vietnam boleh menggugat keselamatan jiran-jirannya.

Perkembangan lain yang menuntut pelebaran pengaruh Amerika Syarikat di kalangan negara-negara ASEAN ialah dengan penubuhan *Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM)*. Penubuhan Pergerakan Negara-negara Berkecuali ini terhasil akibat daripada '*Perang Dingin*' yang wujud di dalam sistem politik dunia. Justeru itu pada tahun 1961 bertempat di Belgrade, Yugoslavia pertubuhan ini ditubuhkan secara rasmi. *Sidang Belgrade* (sidang Pergerakan Negara-negara Berkecuali) yang pertama adalah bibit daripada *Sidang Bandung* yang diadakan pada bulan April 1955 di Bandung, Indonesia. Sidang Bandung diadakan berdasarkan kepada kedudukan negara-negara yang berada dalam lingkungan Benua Asia dan Afrika sahaja. Ia lebih merupakan kepada konsep perpaduan negara-negara tersebut atau lebih dikenali dengan *Afro-Asia*. Tumpuan khusus diberikan kepada perjuangan membebaskan negara-negara yang masih terjajah dan menghapuskan penjajahan di kedua-dua benua itu. Sidang Bandung juga menekankan pengecualian negara-negara merdeka di Asia dan Afrika. Sementara itu Sidang Belgrade menumpukan kepada konsep berkecuali keseluruhannya

dan secara khusus kepada negara-negara baru merdeka dan sedang membangun yang meliputi semua benua (Mokhtar, 1991).

Perkembangan berkaitan dengan konsep negara berkecuali ialah dengan usaha ASEAN mencadangkan perlaksanaan konsep hidup bersama secara aman. Cadangan ini dibuat menerusi *Mesyuarat Negara-negara ASEAN* dan diketengahkan oleh Malaysia sebagai salah sebuah negara ASEAN. Cadangan ini melalui beberapa proses perundingan di kalangan anggota ASEAN. Antara lain cadangan tersebut ialah; setiap negara rantau ini mestilah menghormati kedaulatan dan keutuhan wilayah sesebuah negara lain. Setiap negara tidak boleh terlibat secara langsung atau tidak langsung mengancam keselamatan sesebuah negara lain.

Prinsip asas berkecuali ialah tidak campur tangan dan melakukan pencerobohan. Ia juga menegaskan bahawa semua kuasa asing tidak boleh berada di rantau ini. Dengan lain perkataan, kuasa-kuasa asing terutamanya kuasa-kuasa besar mesti keluar dari rantau ini. Pada akhir mesyuarat *Menteri-menteri Luar ASEAN* di Kuala Lumpur pada November 1971, menteri-menteri dari Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina dan Singapura menandatangani suatu perisytiharan yang dikenali sebagai *Perisytiharan Kuala Lumpur* bagi mewujudkan rantau Asia Tenggara sebagai *Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali*. Konsep ini lebih dikenali sebagai *ZOPFAN* (*Zone of Peace, Freedom and Neutrality*) (Mokhtar, 1991).

Bagi Amerika Syarikat, penubuhan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan konsep ZOPFAN di dalam ASEAN memperlihatkan wujudnya pemikiran yang bebas di kalangan negara-negara tersebut. Perkembangan ini turut memberi kesan ke atas hubungan ekonomi negara-negara ASEAN dan Amerika Syarikat. Bagaimanapun Amerika Syarikat tidak menganggap perkembangan ini mampu menggugat hubungan yang sudah lama terjalin sejak meletusnya *Perang Dunia Kedua*. Namun begitu perhatian yang lebih teliti diperlukan agar semua kepentingan Amerika Syarikat dapat terus dipertahankan walau dengan apa cara sekalipun.

Berdasarkan perkembangan-perkembangan di atas, Amerika Syarikat sudah mengambil beberapa langkah memastikan kuasa, pengaruh dan kawalannya akan terus berlanjutan di negara-negara ASEAN. Bagi Amerika Syarikat, walau seteguh mana pun objektif yang dicapai oleh negara ASEAN dalam konteks kebebasan merdeka dan pembangunan ekonomi, ia tidak akan membawa makna sekiranya keseimbangan kuasa di rantau ini tidak tercapai.

Keseimbangan kuasa di rantau ini amat penting dan jika rantau ini kehilangannya, ini bermakna potensi berlakunya kekacauan adalah tinggi.

Justeru itu, faktor kekosongan keseimbangan kuasa di rantau ini yang perlu dipenuhi menyebabkan pembabitan Amerika Syarikat ke dalam sistem ekonomi, politik dan sosial negara-negara ASEAN. Hal ini ditekankan oleh William Sullivan iaitu duta Amerika Syarikat ke Filipina. Beliau berkata, "Amerika Syarikat sentiasa bersedia menyambung tanggungjawabnya mengekalkan keseimbangan kuasa di dunia – termasuk rantau Asia Tenggara". Selanjutnya beliau menambah "ia tidak hanya berlaku dalam soal keselamatan semata-mata tetapi meliputi pembangunan ekonomi dan kemakmuran masa depan negara-negara Asia Tenggara yang bergantung kepada kestabilan keseimbangan kuasa tersebut" (Holdridge, 1977).

Pertuturan duta Amerika Syarikat ke Filipina ini membawa maksud, tanpa suasana politik antarabangsa yang stabil pelaburan asing tidak mampu dilaksanakan di rantau ini. Justeru itu Amerika Syarikat berpendapat mereka perlu memainkan peranan sebagai sebuah negara kuasa besar yang mampu menentukan kestabilan politik antarabangsa terutama di rantau Asia Tenggara.

Menyedari peranan tersebut, Amerika Syarikat telah mengambil beberapa langkah. Amerika Syarikat meningkatkan keupayaan kuasa ketenteraan dengan tujuan mencegah usaha-usaha penggunaan kuasa ketenteraan atau sebarang bentuk kuasa yang boleh mengancam kestabilan rantau Asia Tenggara. Misalnya Presiden Carter telah menjual peralatan ketenteraan kepada Thailand menerusi perbincangannya dengan bekas Perdana Menteri Thailand iaitu Kriangsak pada tahun 1979.

Tindakan Carter ini dikatakan selaras dengan *Perjanjian Manila* yang ditandatangani pada 1954 iaitu kebenaran kepada kerajaan Amerika Syarikat berunding dan bertindak melindungi kedaulatan wilayah Thailand daripada sebarang unsur asing. Amerika Syarikat juga mengambil tindakan yang sama (menjual senjata) kepada kerajaan Filipina dengan belanjawan melangkaui US\$500 juta (Nair, 1980).

Berbanding Thailand yang berperanan sebagai 'pelanggan utama' kepada Amerika Syarikat, Filipina berfungsi sebagai pelengkap kepada peranan Amerika Syarikat sebagai kuasa ketenteraan di rantau Asia Tenggara. Filipina menyerahkan Teluk Subic dan Pengkalan Udara Clark kepada kegunaan ketenteraan Amerika Syarikat. Penyerahan ini seakan-akan perlu dilakukan memandangkan situasi keselamatan yang tidak menentu sedang berlaku di

Kemboja dan sekali gus menuntut kepada peranan kekuatan ketenteraan Amerika Syarikat di rantau Asia Tenggara. Negara ASEAN yang lain turut sama menjalinkan hubungan perdagangan senjata termasuklah Singapura, Indonesia dan Malaysia (Wah, 1980).

Faktor kedua yang mendorong penglibatan Amerika Syarikat di rantau Asia Tenggara ialah bagi memelihara kepentingan ekonominya. Bagi Amerika Syarikat negara-negara ASEAN telah menyumbang kepada peningkatan kegiatan perdagangan antara kedua-dua buah negara melalui hubungan dua hala.

Pada tahun 1974, eksport barangan negara ASEAN ke Amerika Syarikat adalah seperti berikut: Eksport Indonesia mencatat US\$ 1580.3 juta (21.3%); Malaysia US\$595.4 juta (14.1%); Filipina US\$1133.1 juta (42.4%); Singapura US\$ 862.6% (14.2%) dan Thailand US\$ 195.8 juta (7.9%) (Augustine, 1977).

Sementara itu pada tahun 1978, jumlah dagangan antara kedua-dua belah pihak menjangkau US\$12.5 bilion dan menduduki tempat kelima daripada segi tingginya jumlah dagangan negara-negara luar dengan Amerika Syarikat. Negara ASEAN membekalkan 90% import getah asli Amerika Syarikat, 10% petroleum, 72% bijih timah, 14% gula dan 17% bekalan teh. Kedua-dua pihak sudah mengadakan dialog perdagangan pertama di Manila pada tahun 1977 dan dialog kedua diadakan di Washington pada Ogos 1978. Melalui kedua-dua dialog tersebut Amerika Syarikat sangat berharap kedua-dua pihak akan mendapat manfaat daripada hubungan perdagangan yang diadakan (Wah, 1980).

Selain itu Amerika Syarikat juga berperanan sebagai penyumbang utama dana Bank Dunia dan beberapa institusi kewangan yang selama ini bertindak mengagihkan bantuan kewangan kepada pembangunan rantau Asia Pasifik. Pemberian bantuan kewangan Amerika Syarikat ini terdiri daripada beberapa bentuk seperti pemberian kredit kepada bank-bank yang berpusat di Amerika Syarikat sendiri supaya menjalankan aktiviti perdagangan, pelaburan secara terus (*Foreign Direct Investment*) dan pelaburan menerusi syarikat-syarikat mega (*Multinational Corporations-MNC*). Peranan MNC ini penting dalam membiayai pelaburan bersaiz besar dan memerlukan modal yang tinggi. Bagi Amerika Syarikat, mereka mempunyai kelebihan-kelebihan ini dan rantau Asia Tenggara tidak terkecuali daripada menjadi pusat untuk mereka membuat pelaburan.

Perluasan kuasa Amerika Syarikat turut melibatkan pemindahan teknologi kepada negara ASEAN. Pada satu masa Amerika Syarikat muncul sebagai sebuah negara yang mempunyai teknologi terkini terutama dalam sektor pembuatan. Bagi Amerika Syarikat, adalah menjadi tanggungjawab mereka menyebarkan penemuan-penemuan teknologi baru ke serata dunia termasuk rantau Asia Tenggara.

Pemindahan teknologi ini dilakukan tidak hanya tertumpu kepada aktiviti pelaburan asing tetapi turut melibatkan kerjasama antara kerajaan dan kerajaan. Proses ini berlanjutan dalam masa yang panjang dan kestabilan politik amatlah diperlukan supaya usaha ini dapat dilakukan sepanjang masa. Biarpun pemindahan teknologi ini mendapat kritikan kerana ia tidak berlaku seperti mana yang diharapkan (Constantino, 1989), Amerika Syarikat tetap percaya proses ini dapat membangunkan negara-negara di rantau Asia tenggara.

Keluasan negara Amerika Syarikat menjadikannya sebagai sebuah negara yang memerlukan sumber ekonomi dari luar bagi memenuhi kuasa permintaan rakyatnya. Menyedari faktor tersebut, Amerika Syarikat sentiasa berusaha meluaskan hubungan dagangan dengan negara-negara di serata pelosok dunia. Negara-negara ASEAN adalah termasuk dalam senarai rakan dagangannya.

Bagi Amerika Syarikat, negara-negara ASEAN mampu membekalkan sumber-sumber yang diperlukannya. Secara tidak langsung, Amerika Syarikat berfungsi sebagai suatu kawasan pemasaran barangan yang utama dari seluruh negara ASEAN. Amerika Syarikat sudah mengimport barangan siap seperti barangan elektronik, elektrik, komponen mesin dan sebagainya.

Di samping itu Amerika Syarikat turut mengimport bahan mentah seperti getah asli, bijih timah, petroleum, kayu, tekstil dan sebagainya. Oleh yang demikian, tindakan-tindakan yang diambil oleh Amerika Syarikat dalam beberapa perkara yang menyentuh kepentingannya di rantau Asia Tenggara pada suatu sudut amatlah wajar.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, perkembangan politik dan ekonomi negara-negara di rantau Asia Tenggara serta ASEAN menyebabkan Amerika Syarikat mengambil beberapa tindakan neo imperialismenya. Tercapainya kemerdekaan oleh negara-negara Asia Tenggara tidak membawa mereka bebas daripada sebarang bentuk penjajahan.

Berserta beberapa alasan dan sebab, Amerika Syarikat memainkan peranannya sebagai sebuah kuasa besar yang pada zahirnya mampu melindungi wilayah Asia Tenggara. *Sistem ekonomi kapitalis* yang diketuai oleh Barat sedikit demi sedikit cuba dimakmurkan di rantau ini dan hubungan ini tampak akan menjadi lebih kukuh dan berpanjangan. Justeru itu neo imperialisme Amerika Syarikat di kalangan negara-negara ASEAN akan terus berlangsung sebagaimana yang dikehendaki oleh kuasa besar dunia itu.

ASEAN dan Neo Imperialisme Soviet Rusia

Sejak Jun 1969, objektif utama kehadiran kuasa Soviet Rusia di Asia adalah supaya menegakkan *konsep sistem keselamatan bersama*. Menurut Donald S. Zagoria (Soon, 1980) terdapat beberapa faktor yang menjurus kepada usaha melaksanakan objektif tersebut.

Pertama, *deklarasi Moscow* menegaskan usaha kuasa besar itu menandingi kuasa Amerika Syarikat menghantar bala tentera di seluruh dunia termasuklah rantau Pasifik. Kedua, cuba menafikan kuasa Amerika Syarikat, mengambil kesempatan di atas kelemahan kekuatan tentera Jepun dan ancaman perikatan antara Amerika Syarikat dan China. Ketiga, menegakkan kekuasaan ekonomi Soviet Rusia seiring dengan kekuatan ketenteraannya. Keempat, menguatkan kuasa ketenteraan di dalam negara dan dominasinya berbanding faktor ideologi dan kelima, persaingan antara kekuasaan Soviet Rusia dan China di Asia.

Soviet Rusia cuba melaksanakan sistem keselamatan bersama selepas berlakunya beberapa perkembangan di beberapa bahagian dunia. Antaranya ialah wujudnya situasi di mana potensi berlakunya 'kekosongan' kuasa ketenteraan akibat tindakan British menarik keluar tenteranya di timur Suez pada tahun 1968 dan tindakan Amerika Syarikat yang mengumumkan akan meninggalkan Asia pada 1969.

Kedua-dua perkembangan ini menarik minat Soviet Rusia supaya berperanan menawarkan alternatif kepada negara-negara Asia bagi mengisi kekosongan kuasa yang ditinggalkan oleh Amerika Syarikat. Bagi Soviet Rusia, perkembangan ini mewajarkan mereka menggantikan Amerika Syarikat sebagai sebuah kuasa yang mampu menawarkan keselamatan dan kestabilan di rantau Asia.

Antara lain penggunaan konsep sistem keselamatan bersama ini dilancarkan, ia diharapkan dapat berfungsi sebagai satu slogan diplomasi

bagi menggambarkan imej baik Soviet Rusia. Soviet Rusia cuba menghakis pandangan negatif negara-negara Asia terhadap kehadiran mereka di rantau ini (Buszynski, 1982). Bagaimanapun antara tahun 1969 dan 1975, cadangan Soviet Rusia melaksanakan konsep sistem keselamatan bersama tidak mendapat tindak balas yang positif dari negara Asia terutama negara-negara yang terletak di sebelah Asia Tenggara (Soon, 1980).

Daripada segi konsep kehadiran wilayah, Soviet Rusia cuba mendapatkan kepercayaan negara-negara Asia Tenggara supaya menerima kehadiran mereka dan memperakukan peranan sebagai sebuah kuasa besar yang mempunyai hak membincangkan semua isu yang berlaku di rantau tersebut.

Bagi melaksanakan konsep yang diinginkan oleh mereka, Soviet Rusia menggunakan aspek kekuatan tentera laut dan pencapaian teknologi yang dimiliki. Penggunaan faktor kekuatan tentera laut misalnya diharapkan dapat membantu usaha Soviet Rusia mendapatkan peluang sebagai perunding keselamatan.

Beberapa tindakan dalam membangunkan kekuatan tentera laut sudah pun dilakukan. Soviet Rusia telah membina dua kapal pengangkut kapal terbang yang masing-masing siap dibina pada tahun 1975 dan 1978. Kapal pengangkut kapal terbang pertama (*Kiev*) ditugaskan ke lautan Utara sementara yang kedua (*Minsk*) ditugaskan menyertai angkatan laut di lautan Pasifik pada tahun 1979. Kapal Pengangkut Minsk akan digunakan bagi melebarkan pengaruh kuasa tentera lautnya ke beberapa bahagian lautan Pasifik termasuklah rantau Asia Tenggara. Kapal-kapal lain yang menyertai angkatan lautnya di Pasifik akan membuat beberapa pelayaran biasa ke Laut China Selatan dengan mengunjungi pelabuhan di Vietnam dan lebih penting ia dapat berperanan sebagai simbol perluasan kuasa di rantau tersebut.

Melalui kekuatan angkatan tentera lautnya, Soviet Rusia menghantar beberapa buah kapal perangnya ke Vietnam dalam tempoh yang singkat antara suatu pelayaran dengan pelayaran yang lain. Pelayaran pertama kapal Soviet Rusia dilakukan pada bulan Mac 1979 dengan menggunakan Teluk Cam Ranh. Beberapa buah kapal peluru berpandu dan kapal pemusnah periuk api telah singgah di Vietnam Selatan pada 27 Mac tahun tersebut. Persinggahan ini menguatkan spekulasi bahawa Soviet Rusia akan membina pengkalan tentera lautnya di Vietnam Selatan. Walaupun kerajaan Vietnam tidak memberi jaminan kepada Soviet Rusia berkenaan pembinaan pengkalan tentera lautnya di situ, namun Soviet Rusia dibenarkan menggunakan

kemudahan di beberapa buah pelabuhan seperti di Haipong, Danang dan Teluk Cam Ranh. Beberapa pusat komunikasi dibenarkan dibina di Teluk Cam Ranh dan Danang, sementara pembinaan landasan kapal terbang juga dibina di kedua-dua lokasi tersebut bagi kegunaan pemantauan ruang udara Laut China Selatan dan sekali gus dapat memantau aktiviti angkatan ketujuh Tentera Laut Amerika Syarikat (Buszynski, 1982).

Dalam konteks keselamatan strategik dan hubungannya dengan negara-negara ASEAN, Soviet Rusia menyedari kepentingan Selat Melaka. Bagi Soviet Rusia, Selat Melaka dapat memendekkan perjalanan dari sektor Eropah ke sektor Artik. Selat Melaka juga dilihat dapat memendekkan perjalanan kapal-kapal Soviet Rusia yang berlayar dari Lautan Mediterranean dan Lautan Hindi ke Lautan Pasifik. Justeru itu Selat Melaka amat penting bagi Soviet Rusia terutamanya daripada aspek keselamatan. Ini disebabkan laluan tersebut bebas daripada pengaruh ais beku sebagaimana yang dihadapi di Lautan Artik. Kelebihan ini menjamin pelayaran sepanjang tahun dan dapat menghubungkan pelayaran dari pelabuhan di Eropah ke pelabuhan-pelabuhan di timur jauh dan negara-negara Asia. Kepentingan Selat Melaka bagi kuasa Soviet Rusia dicerminkan dengan tindakan kuasa itu meluaskan penguasaannya di Lautan Hindi dan Selat Melaka itu sendiri.

Sementara itu Soviet Rusia cuba mencari lokasi baru selain Vietnam bagi membina kemudahan penyelenggaraan kapal perangnya. Walaupun Soviet Rusia sudah mendapat kebenaran dari Singapura bagi kemudahan penyelenggaraan kapal namun ia hanya terhad kepada kapal nelayan dan perdagangan sahaja. Ini bermakna Singapura tidak mengizinkan sebarang kegiatan penyelenggaraan kapal perang di pelabuhan-pelabuhan pulau tersebut oleh kuasa Soviet Rusia.

Perkembangan ini mengganggu perancangan Soviet Rusia bagi melaksanakan tujuannya mengawal Selat Melaka. Pengawalan Selat Melaka penting kerana 90 peratus bekalan minyak ke Jepun menggunakan laluan ini di samping ia dapat menyekat perluasan kuasa China dan Amerika Syarikat ke atas Lautan Hindi (Soon, 1980).

Di samping menggunakan alasan keselamatan, Soviet Rusia turut menjadikan faktor ekonomi sebagai daya penarik negara-negara di Asia Tenggara agar memberikan sokongan kepadanya. Para diplomat dan usahawan dari kuasa besar itu cuba meningkatkan hubungan perdagangan dengan negara-negara Asia Tenggara.

Beberapa perjanjian dibuat dengan harapan ia dapat memberi faedah kepada kedua-dua negara yang menandatangani perjanjian tersebut. Perjanjian ekonomi telah dibuat dengan Singapura pada 2 April 1966, dengan Thailand pada 25 Disember 1970, dengan Malaysia di Moscow pada 4 Oktober 1972 dan dengan Indonesia pada 22 Mac 1974. Pada masa yang sama Soviet Rusia turut mengadakan hubungan diplomatik dengan Filipina pada 2 Jun 1976 (Buszynski, 1982).

Diharapkan daripada hubungan atau perjanjian-perjanjian ekonomi ini, kesan politik kuasa besar Soviet Rusia dapat disebar kepada negara-negara yang menandatangani perjanjian tersebut. Antara negara-negara ASEAN yang menandatangani perjanjian kerjasama ekonomi tersebut, Singapura dilihat lebih aktif bertindak berbanding negara-negara ASEAN yang lain. Hal ini berlaku mungkin kerana pengisytiharan British yang menarik keluar semua kepentingannya di timur jauh.

Usaha Soviet Rusia menerusi pendekatan ekonomi ini dilakukan dengan bersungguh-sungguh biarpun rekod perdagangan memperlihatkan keuntungan daripada hubungan tersebut banyak menyebelahi negara ASEAN. Soviet Rusia berhadapan dengan masalah mempromosi barangan keluaran negara itu di negara ASEAN. Hubungan dagangannya dengan Singapura banyak menyebelahi kerajaan negara ASEAN itu.

Banyak usaha dilakukan, namun imbalan perdagangan masih belum berlaku. Sungguhpun dalam tempoh sepanjang tahun banyak kapal dari Soviet Rusia berlabuh menggunakan kemudahan pelabuhan, namun permintaan Soviet Rusia supaya membina sendiri limbungan kapalnya ditolak oleh kerajaan Singapura. Keadaan yang sama berlaku dalam hubungannya dengan Indonesia, Filipina (walaupun menampakkan peningkatan sejak tahun 1977-1982) dan Thailand.

Dalam hubungan dagangannya dengan Malaysia, ia hanya berlaku sehalu sahaja. Permintaan ke atas barangan buatan Soviet Rusia di pasaran Malaysia kurang mendapat sambutan. Walaupun ada usaha mengurangkan defisit perdagangan namun ia hanya menampakkan sedikit perubahan sahaja. Rancangan memasang kereta Moskvitch di Malaysia dan bantuan teknikal dalam sektor pertanian tidak menjadi kenyataan kerana kerajaan Malaysia tidak menunjukkan minat yang tinggi. Kerajaan Soviet juga dipercayai kecewa dengan pembatalan projek pembinaan empangan Tembeling beberapa tahun sebelumnya dan sekali gus memusnahkan harapan kuasa besar itu memperlihatkan usaha membawa kemakmuran di negara Asia Tenggara.

Namun begitu daripada suatu sudut, Malaysia merupakan rakan dagangan kedua terbesar kepada Soviet Rusia selepas India di rantau Asia Tenggara yang lain (Nair, 1980). Hubungan perdagangan antara kedua-dua pihak (Soviet Rusia-ASEAN) dapat dilihat menerusi jadual di bawah;

		1975	1976	1977	1978	1979	1980
Indonesia	Eksport	25.6	36.8	32.3	51.6	54.8	72.9
	Import	37.4	10.7	10.1	14.8	13.6	19.8
Malaysia	Eksport	103	119	119	139	259	319
	Import	5	9	10	6	9	25
Filipina	Eksport	10	87	130	40	83	191
	Import	-	2	4	6	8	20
Singapura	Eksport	53	65	80	114	181	235
	Import	6	17	24	21	22	22
Thailand	Eksport	10	2	4	7	41	123
	Import	8	11	13	8	7	9

Sumber: International Monetary Fund, Direction of World Trade Statistics: Yearbook 1981 (Buszynski, 1982).

Import-Eksport Asean Dan Soviet Rusia 1975-1980 (Dalam USD juta)

Daripada jadual di atas, imbalan dagangan antara kedua-dua pihak banyak menyebelahi negara ASEAN. Jumlah eksport negara ASEAN melebihi jumlah import yang dilakukan dalam hubungan dagangan tersebut. Malaysia mencatat jumlah eksport yang tertinggi berbanding negara lain iaitu dengan jumlah dagangan sebanyak USD 319 juta bagi tempoh enam tahun hubungan terjalin. Di tempat kedua ialah Singapura sebanyak USD 235 juta eksport diikuti oleh negara Filipina (USD 191 juta) dan Indonesia serta Thailand masing-masing mencatat jumlah eksport sebanyak USD 72.9 juta dan USD 123 juta. Daripada segi import barangan dari kuasa besar tersebut sepanjang tempoh selama enam tahun, Malaysia menduduki tempat tertinggi mengimport barangan dengan jumlah USD 25 juta. Ia diikuti negara Singapura dengan jumlah USD 22 juta; Filipina USD 20 juta; Indonesia USD 19.8 juta dan Thailand USD 9 juta.

Daripada paparan di atas kesungguhan Soviet Rusia menggunakan pendekatan perdagangan sebagai suatu cara meraih sokongan dari negara ASEAN sudah terbukti. Walaupun imbalan perdagangan banyak berpihak kepada negara ASEAN, Soviet Rusia bagi tempoh enam tahun iaitu dari 1975-1980, tetap meneruskan hubungan dalam keadaan dagangan yang defisit. Perkembangan ini bagi sesetengah pemerhati berpendapat keadaan ini merugikan kerajaan Soviet Rusia. Bagi mereka, pendekatan ekonomi yang diambil oleh kuasa besar itu tidak menjamin pengaruh politik dapat diperluaskan ke dalam pentadbiran negara-negara ASEAN. Hal ini berlaku kerana faktor keselamatan adalah lebih penting dalam ASEAN berbanding faktor-faktor lain. Ini bermakna, biarpun hubungan ekonomi (komersial) dapat dijalankan antara kedua-dua pihak, ASEAN tidak beranggapan hubungan tersebut boleh disamakan dengan mengadakan pakatan-pakatan politik.

Perkara ini jelas berlaku dengan tindakan Singapura menolak kerjasama pertahanan dengan kuasa besar itu melalui isu pembinaan limbungan kapal perang Soviet Rusia di Singapura. Selain itu juga negara-negara ASEAN sudah pun mengikatkan diri mereka dengan beberapa perjanjian serantau seperti *Pergerakan Negara-negara Berkecuali* (NAM) dan *Perjanjian Zon Aman, Bebas, dan Berkecuali* (ZOPFAN). Berbanding dengan saingannya iaitu Jepun dan Amerika Syarikat, hubungan dagangan Soviet Rusia dengan negara-negara ASEAN tidak begitu menguntungkan negara itu. Justeru itu Soviet Rusia menghadapi masalah meluaskan pengaruhnya di rantau Asia Tenggara. Dua pendekatan yang dibincangkan di atas memperlihatkan bagaimana sukarnya pengaruh Soviet Rusia bertapak dan seterusnya membawa masuk negara-negara Asia Tenggara menyebelahi negara tersebut di dalam arena politik antarabangsa.

Selain daripada perkembangan di atas yang memperlihatkan usaha-usaha Soviet Rusia melebarkan pengaruh di rantau Asia, terdapat beberapa isu lain yang memberi kesan ke atas imej Soviet Rusia. Pertama, isu pencerobohan Soviet Rusia ke atas kedaulatan Afghanistan. ASEAN tidak bersetuju dengan tindakan pencerobohan tersebut. Di Malaysia, Thailand dan Indonesia, terdapat beribu-ribu golongan aktivis politik, pelajar, dan masyarakat awam mengadakan demonstrasi mengutuk tindakan kerajaan Soviet Rusia. Indonesia menyatakan tindakan Soviet Rusia itu sudah mencabul prinsip-prinsip pengisytiharan Bandung. Kedua, ASEAN juga tidak bersetuju dengan tindakan Soviet Rusia campur tangan dan sokongannya kepada Vietnam dalam menangani kemelut politik di rantau Indochina. Ketiga, kebanyakan negara ASEAN mempunyai pengalaman yang kurang baik dengan beberapa

tindakan kerajaan Soviet Rusia. Misalnya, Malaysia tidak begitu berminat meneruskan hubungan yang akrab kerana sokongan Soviet Rusia ke atas Indonesia semasa berlakunya konfrontasi Indonesia-Malaysia, isu penggunaan Selat Melaka, isu agama dan dasar anti komunis yang diamalkan oleh negara tersebut.

Isu keempat, hubungan diplomatik Soviet Rusia dengan negara-negara ASEAN tidak begitu berjaya. Walaupun banyak usaha dan hubungan diplomatik dilakukan, namun hasilnya amat sedikit. Pada penghujung tahun 1970-an, usaha diplomasi kuasa besar tersebut sering dikaitkan dengan kerajaan komunis Vietnam. Negara ASEAN bimbang ancaman pengaruh komunis di Vietnam menular ke negara-negara ASEAN. Strategi menggunakan Vietnam sebagai *proxy* dan lebih mengutamakan belanja perang kepada Vietnam tidak digemari oleh negara-negara ASEAN. Isu pelarian perang di Vietnam dan Kampuchea tidak ditangani dengan baik. Akibatnya, isu pelarian perang tersebut terpaksa dipikul oleh negara-negara ASEAN.

Isu-isu lain yang turut mempengaruhi perluasan kuasa Soviet Rusia di Asia Tenggara ialah berkaitan dengan hubungannya dengan kerajaan China. Hubungan kedua-dua negara ini berada dalam keadaan persaingan bagi meluaskan pengaruh terutama di rantau Indochina. Selain daripada itu juga, kebanyakan parti-parti komunis yang bergerak di negara-negara ASEAN, hampir semuanya menyokong Beijing. Perkembangan seperti ini mengehadkan perluasan kuasa Soviet Rusia selepas beberapa pendekatan yang awal tidak berjaya.

Perbincangan di atas memperlihatkan beberapa usaha dibuat oleh kerajaan Soviet Rusia bagi meluaskan pengaruh mereka ke rantau Asia Tenggara. Penggunaan isu keselamatan dan kerjasama ekonomi dilakukan oleh kuasa besar tersebut. Bagaimanapun hasilnya tidak begitu memberangsangkan. Hampir semua negara di Asia Tenggara menolak pengaruh Soviet Rusia terutama jika ia menyentuh soal-soal keselamatan. Hanya kerjasama di dalam sektor ekonomi sahaja yang mendapat sambutan. Namun begitu imbalan dagangan banyak menyebelahi negara-negara ASEAN berbanding kuasa besar tersebut.

Kesimpulan

Sistem perluasan kuasa barat (*neo imperialisme*) ke rantau Asia Tenggara berlaku sebaik sahaja negara-negara di benua tersebut bebas merdeka. Atas beberapa alasan terutama soal keselamatan dan ekonomi, kuasa besar dunia

menggunakan pendekatan masing-masing dalam usaha meluaskan pengaruh. Perbincangan di atas membuktikan kepada kita proses peluasan kuasa dilakukan dengan begitu sistematik.

Kuasa besar dunia Amerika Syarikat dan Soviet Rusia sentiasa bersaing bagi memastikan sokongan diperoleh dari negara-negara Asia Tenggara demi melanjutkan lagi penguasaan mereka ke serata dunia. Walaupun wujud perbezaan daripada segi kaedah, pendekatan dan gaya perlaksanaannya, namun tujuan kehadiran kuasa besar dunia ini ke rantau Asia Tenggara masih tetap sama iaitu cuba menjajah dan menguasai ekonomi, politik dan sosial dan dilaksanakan dalam bentuk penjajahan yang baru.

Kesimpulannya, ASEAN perlu mempunyai agenda pembangunannya tersendiri agar ia dapat menafikan peluasan kuasa besar dunia yang mungkin boleh menyebabkan negara-negara-negara tersebut terjajah semula. Ini adalah kerana idea modenisasi seperti mana yang dianjurkan oleh kedua-dua kuasa besar dunia tersebut mempunyai muslihat tertentu. Tanpa jati diri dan hala tuju pembangunan yang jelas, negara-negara ASEAN boleh terjerumus ke dalam perangkap pembangunan sebagaimana yang cuba dianjurkan oleh kuasa besar dunia tersebut.

Pembahagian dunia kepada beberapa blok misalnya merupakan antara perangkap yang boleh membantutkan pembangunan sesebuah negara yang bebas dan merdeka. Oleh yang demikian, hanya dengan mengambil sikap berwaspada negara-negara ASEAN mampu menilai baik dan buruk proses neo imperialisme yang dianjurkan oleh kuasa besar dunia. Diharapkan dengan perbincangan di atas, kita dapat memahami bahawa rantau ASEAN merupakan suatu kawasan yang sentiasa terdedah kepada proses neo imperialisme kuasa-kuasa besar dunia.

Rujukan

- A.Kadir, M. (1991). *Keamanan Sejagat: Peranan Malaysia Dalam Politik Antarabangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asirvatham, E. (1990). *Political Theory*. New Delhi: S.Chand & Company Ltd.
- Augustine, H.H.T. (1977). *Investment Priorities In Asean*. Dalam R.V. Lloyd dan J.V.George (Ed.), *The Economic and Political Growth Pattern of Asia-Pasific* (m/s. 136-142). Singapore: Institute of Southeast Asian Studies
- Baharuddin, S.A. (1993). *Masyarakat Malaysia dan Alam Sosialnya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buszynski, L. (1982). *The Soviet Union in Southeast Asia: Motives, Limits and Opportunities*. *Contemporary Southeast Asia*, 4 (3), 271-300.

- Constantino, R. (1989). *Pilihan Nasionalis*. (terj. Jomo. K.S.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Frank, A.G. (1969). *Capitalisme and under-Development in Latin America*. New York: Monthly Review Press.
- Giddens, A. (1995). *Sociology*. (2nd Edition). Cambridge: Polity Press.
- Holdridge, J.H. (1977). *The Future of Asia-Pasific and the U.S. Role*. Dalam R.V. Lloyd dan J.V.George (Ed.), *The Economic and Political Growth Pattern of Asia-Pasific* (m/s. 21-40). Singapore: Institute of Southeast Asian Studies
- International Monetary Fund,. (1981) *Direction of World Trade Statistics: Yearbook 1981*. Dalam Buszynski, L. (1982). *The Soviet Union in Southeast Asia: Motives, Limits and Opportunities*. *Contemporary Southeast Asia*, 4 (3), 271-300.
- Magstadt, T.M. (1991). *Nations and Government: Comparative Politics in Regional Perspective*. New York: St. Martin's Press.
- Nair, K.K. (1980). *Great Power Politics and Southeast Asia*. Dalam K.K. Nair dan J. Chandran (Ed.). *Southeast Asia and The Great Powers* (m/s. 3-24). Kuala Lumpur: Malaysian Economic Association.
- Soon, L.T. (1980). *Asean and Soviet Policy in Southeast Asia*. Dalam K.K. Nair dan J. Chandran (Ed.). *Southeast Asia and The Great Powers* (m/s. 68-74). Kuala Lumpur: Malaysian Economic Association.
- Wah, C.K. (1980). *The Reawakening of U.S. Interest in Southeast Asia*. Dalam K.K. Nair dan J. Chandran (Ed.). *Southeast Asia and The Great Powers* (m/s. 120-135). Kuala Lumpur: Malaysian Economic Association.
- Wallerstein, I. (1974). *The Modern World System*. New York: Academic Press.
- Zainal Abidin Abdul Wahid et al. (1996). *Malaysia: Warisan dan Perkembangan*. Edisi kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.